KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEWSLETTER

# BENCANA BANJIR
## SAMARAHAN: FAKTA DAN ANGKA




## LATAR BELAKANG

- Pada awalnya, Daerah Samarahan bermula sebagai daerah kecil yang terletak di bawah Daerah Kuching. Kemudiannya, Majlis Daerah Samarahan (MDS) diwartakan sebagai sebuah Majlis Tempatan di Sarawak di bawah peruntukan Local Authorities Ordinance Cap. 117 pada 1 Januari 1985. MDS merupakan satu badan yang bergelar Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan Negara Dan Kerajaan Tempatan.

- Majlis Perbandaran Kota Samarahan telah diwartakan pada 27 Disember 1984 dan melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jagaannya bermula pada 1 Januari 1985. Kawasan yang terletak di bawah kawalan MDS termasuklah Daerah Kecil Asajaya dan Daerah Sadong Jaya. Dalam tempoh kira-kira 10 tahun sahaja, banyak pembangunan dan kemajuan yang telah dapat dicapai kesan daripada usaha daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi Kerajaan dan penglibatan masyarakat setempat dalam melakukan perubahan sedemikian rupa.

- Rupa bentuk muka bumi di Daerah Samarahan adalah rata dan kebanyakannya terdiri daripada tanah pamah atau gambut. Keadaan tanah seperti inilah yang sesuai untuk menjalankan kegiatan pertanian dan di sinilah projek IADP dijalankan. Antara komoditi yang dihasilkan ialah tanaman limau manis, kelapa, kelapa sawit dan nanas. Terdapat juga tanaman kontan yang popular iaitu padi sawah, tembikai, jagung manis dan sayur-sayuran.

Sumber: *https://mpks.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/28*



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# MENGIMBAS BANJIR BESAR DI SAMARAHAN, SARAWAK



Sumber: https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/02/21/banjir-sarawak-malam-ahad-teruk



Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-sarawak-53-mangsa-di-daerah-lundu-dipindahkan-ke-pps-403644

## BANJIR TAHUN 2016

Keadaan banjir di bahagian Kuching, Serian dan Samarahan semakin teruk malam Ahad dengan jumlah mangsa di 31 pusat pemindahan (PP) banjir kini mencecah angka 5,769 daripada 1,527 keluarga. Air sungai di kebanyakan tempat yang dilanda banjir berada di paras normal, namun cuaca mendung masih menyelubungi sekitar tiga bahagian berkenaan sepanjang hari.

## BANJIR TAHUN 2023

Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka di negeri Sarawak. Antara kawasan dijangka terjejas ialah Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Mukah (Tanjung Manis dan Daro) dan Miri (Subis dan Miri). Pemantauan berkala telah digerakkan beberapa agensi keselamatan termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# HIDROGRAF STESEN




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen 8th Mile, Samarahan telah meningkat kepada paras waspada pada 28 Januari 2025 sehingga 29 Januari 2025.




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Kampung Entingan, Samarahan telah meningkat kepada paras bahaya pada 28 Januari 2025. Peningkatan paras air tidak begitu konsisten di mana berlaku kenaikan dan penurunan air secara berulang.

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=SRK

# RAMALAN CUACA

| TARIKH | CUACA | RAMALAN |
|---|---|---|
| 03/02/2025<br>Isnin | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 04/02/2025<br>Selasa | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 05/02/2025<br>Rabu | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 06/02/2025<br>Khamis | Hujan | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 07/02/2025<br>Jumaat | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Tiada hujan<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 08/02/2025<br>Sabtu | Hujan di kebanyakan tempat | **Pagi:** Tiada hujan<br>**Petang:** Tiada hujan<br>**Malam:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 09/02/2025<br>Ahad | Hujan di kebanyakan tempat | **Pagi:** Tiada hujan<br>**Petang:** Tiada hujan<br>**Malam:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |

Sumber: https://www.met.gov.my/forecast/weather/district/Ds506/



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# BANJIR 2025

- Sejumlah 4 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di daerah Samarahan sehingga 3 Februari 2025 adalah seperti berikut:

## PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT DAERAH DAN *HOTSPOT* PPS




## Bilangan Mangsa di PPS

266

113

25

## Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

| DAERAH SAMARAHAN |
|---|
| **SEKOLAH** |
| • S.K ENDAP |

| DEWAN |
|---|
| • DEWAN SRI BUDAYA KAMPUNG NIUP |
| **BALAIRAYA** |
| • BALAI RAYA KAMPUNG NANGKA |
| • BALAI RAYA DEWAN LENGGAI ENTINGAN |

Sumber:
https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/index.php?a=13&b=0



Sumber:
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1355537/mangsa-banjir-sarawak-meningkat



Sumber:
https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/29/banjir-di-sarawak-32-pps-dibuka-tempatkan-1823-mangsa



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# IMPAK BANJIR

## Banjir rosakkan harta benda, tinggalkan kesan emosi

Utusan Sarawak · 12 hours ago



*Keadaan rumah salah seorang penduduk yang terjejas teruk susulan banjir di Kampung Munggu Limo, Serian baru-baru ini. Foto AIN CHAI*

KUCHING: Banjir bukan sahaja merosakkan harta benda, malah turut meninggalkan kesan emosi yang mendalam kepada mangsa yang terjejas.

Demikian luahan Mohd Shafik Sebi, 38, penduduk Kampung Tebakang Melayu, yang terletak kira-kira 69 kilometer dari bandar raya ini, selepas kampungnya dilanda banjir pada 28 Jan lalu.

Sumber: https://utusansarawak.com.my/banjir-rosakkan-harta-benda-tinggalkan-kesan-emosi/

## JPBN Sarawak nilai kos baik pulih infrastruktur rosak akibat banjir




Sekolah Kebangsaan Nanga Penyarai yang ditenggelami air ketika tinjauan kelmarin.- Foto: Bernama

KUCHING - Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak kini sedang menilai kos baik pulih infrastruktur yang rosak akibat bencana bagi memastikan langkah pemulihan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan.

Timbalan Premier yang juga Pengerusi JPBN Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, jawatankuasa pengurusan bencana di setiap bahagian telah diarahkan untuk mengemukakan senarai lengkap ketua isi rumah yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) selewat-lewatnya hujung minggu ini.

Sumber : https://www.sinarharian.com.my/article/710644/edisi/sabah-sarawak/jpbn-sarawak-nilai-kos-baik-pulih-infrastruktur-rosak-akibat-banjir



*Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Dato Sri Julaihi Narawi semasa mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Projek Bekalan Air: Penggantian Paip di Kampung Rampangi, pagi tadi. Foto Alex Teo (TVS)*

## Kerosakan fasiliti elektrik akan dinilai sepenuhnya selepas keadaan banjir kembali pulih

KUCHING, 5 Feb: Anggaran keseluruhan kerosakan fasiliti elektrik akibat bencana banjir akan dinilai sepenuhnya selepas situasi banjir kembali pulih.

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Dato Sri Julaihi Narawi berkata, pihaknya kini masih tidak dapat mengenal pasti jumlah keseluruhan kerosakan yang dialami dan hanya dapat dibuat selepas semua penduduk yang tinggal di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) kembali ke rumah masing-masing.

"Belum ada anggaran lagi sebab sesetengah kawasan masih lagi terlibat dengan banjir. Mungkin selepas semuanya sudah selesai, penduduk yang berkaitan sudah pindah semuanya pihak kami akan membuat anggaran.

"Yang penting sekarang ialah keselesaan penduduk yang terlibat dalam pemindahan ke PPS dan juga keselamatan semua penduduk. Itu yang penting," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Projek Bekalan Air: Penggantian Paip bersama Menteri Utiliti dan Telekomunikasi di Kampung Rampangi, pagi tadi.

Kata Julaihi, penilaian kerosakan fasiliti akan mengambil sedikit masa disebabkan terdapat banyak kawasan yang terjejas akibat banjir.

Selain itu, katanya, penelitian yang lebih terperinci juga perlu dijalankan kerana seperti yang dilihat bencana banjir yang berlaku di beberapa kawasan terutama di Bintulu adalah sangat teruk.

Sumber : https://www.tvsarawak.my/2025/02/05/kerosakan-fasiliti-elektrik-akan-dinilai-sepenuhnya-selepas-keadaan-banjir-kembali-pulih-julaihi/

## Kerajaan lulus RM25 juta baiki kerosakan akibat banjir di Sabah, Sarawak



Anwar melihat 'Jacking Machine' ketika mengadakan lawatan kerja ke Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian paip pembentungan pakej satu di Taman Cempaka, Ipoh hari ini. Foto oleh MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA/ KOSMO!

IPOH – Kerajaan Pusat memperuntukkan RM25 juta untuk segera membaiki kerosakan infrastruktur yang terjejas akibat banjir di Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu diluluskan atas dasar tanggungjawab terhadap rakyat yang terjejas akibat bencana alam itu.

"Ini pandangan (tindakan) yang tidak ikut negeri, tidak ikut musim. Tapi ikut tanggungjawab. Jadi kita lakukan," katanya semasa berucap pada Majlis Kenduri Rakyat di pekarangan Masjid Al-Muttaqin, Taman Meru di sini hari ini.

Sumber : https://www.kosmo.com.my/2025/01/31/kerajaan-lulus-rm24-juta-baiki-kerosakan-akibat-banjir-di-sabah-sarawak/



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# DEMOGRAFI PENDUDUK

**PENDUDUK**
- 2024: 135.5 ribu
- 2020: 128.3 ribu

**TEMPAT KEDIAMAN**
- 2024: 54.9 ribu
- 2020: 42.5 ribu

**ISI RUMAH**
- 2024: 51.5 ribu
- 2020: 29.5 ribu

**UMUR 0-14**
- 2024: 26.3 ribu
- 2020: 28.1 ribu

**UMUR 15-64**
- 2024: 101.9 ribu
- 2020: 94.8 ribu

**UMUR 60+**
- 2024: 11.3 ribu
- 2020: 8.6 ribu

**UMUR 65+**
- 2024: 7.3 ribu
- 2020: 5.4 ribu

**NISBAH JANTINA**
- 2024: 94
- 2020: 94

Lelaki bagi setiap 100 perempuan

**KELAHIRAN**
- 2023: 1,506
- 2020: 1,410

**KEMATIAN**
- 2023: 356
- 2020: 273

**PUNCA KEMATIAN**

| 2023 | |
|---|---|
| 1. *CEREBROVASCULAR DISEASES* | 10 |
| 2. *ISCHAEMIC HEART DISEASES* | 9 |
| 3. *PNEUMONIA* | 7 |

**PERKAHWINAN**
- 2023: 1,173
- 2020: 1,111

**PERCERAIAN**
- 2023: 226
- 2020: 146

**PARAS PERBANDARAN**
- 2020: 83.1%

**KEPADATAN**
- 2024: 333/km²

Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Samarahan
2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2024
3. Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2024
4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, SAMARAHAN

## PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

| | PURATA (RM) | PENENGAH (RM) |
|---|---|---|
| JUMLAH | 7,123 | 5,953 |

## RUMAH IBADAT

**56** MASJID

**5** TOKONG

**0** KUIL

**13** GEREJA

## KESIHATAN

**1** HOSPITAL KERAJAAN

**6** KLINIK KERAJAAN

## GUNA TENAGA

**5.5%** KADAR PENGANGGURAN

**70.0%** KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

## KESELAMATAN

**1** IPD

**2** BALAI POLIS

**2** BALAI BOMBA

## PENDIDIKAN

**25** SEKOLAH RENDAH

**4** SEKOLAH MENENGAH

Sumber : My Local Stats, Samarahan, Sarawak, 2023

## PAKW, 2023

Bandar
RM **4,348**

Luar Bandar
RM **4,348**

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Sarawak, 2023

## KDNK, 2020

(RM Juta)

RM **1,799.7**

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran, Samarahan, Sarawak, 2015-2020



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, SAMARAHAN

**SEKTOR**

- PEMBINAAN: 194
- PEMBUATAN: 85
- PERKHIDMATAN: 1,553
- PERLOMBONGAN &PENGKUARIAN: 2
- PERTANIAN: 29

Sumber: *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)*, 2024



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

## NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

| 2023 | 2024 |
|---|---|
| RM755.4 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| JOHOR | RM275.0 juta | ? |
| KELANTAN | RM139.7 juta | ? |
| TERENGGANU | RM77.7 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH





| 2023 | 2024 |
|---|---|
| BATU PAHAT RM104.8 juta | ? |
| SEGAMAT RM54.6 juta | ? |
| PASIR MAS RM26.8 juta | ? |



## NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| TEMPAT KEDIAMAN | RM168.3 juta | ? |
| KENDERAAN | RM22.3 juta | ? |
| PREMIS PERNIAGAAN | RM53.2 juta | ? |
| PEMBUATAN | RM10.3 juta | ? |
| PERTANIAN | RM120.6 juta | ? |
| ASET AWAM & INFRASTRUKTUR | RM380.7 juta | ? |

**10 MAC 2025**

**2024**

**LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK




OpenDOSM



Kawasanku




MyLocal Stats



SDG




MyDemography




MyAgeing Dashboard




MyPAKW




Portal Bencana NADMA